



9 Mac 2022
9 March 2022
P.U. (A) 51

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 7) 2022

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(FEDERAL ROADS) (NO. 7) ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 7) 2022

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 114/2022 yang disiarkan pada 16 Februari 2022, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kanan Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Menteri Kanan Kerja Raya, setelah memberikan pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 7) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 10 Mac 2022.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1) <i>Jalan yang baginya Larangan Terpakai</i>	(2) <i>Kenderaan</i>	(3) <i>Tempoh Larangan</i>
Jalan masuk ke stesen VHF Gunung Brinchang dan sebaliknya, bermula dari seksyen 4.20 hingga seksyen 4.90 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	<p>Semua kenderaan kecuali—</p> <p>(a) kenderaan Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan Polis Diraja Malaysia</p> <p>(b) kenderaan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang, Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang</p> <p>(c) kenderaan Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands, Majlis Daerah Cameron Highlands, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands</p> <p>(d) kenderaan Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad</p>	10 Mac 2022 hingga 7 Mac 2025

(e) kenderaan Roadcare (M)
Sdn. Bhd. (RSCB) dan
Pintas Utama Sdn Bhd.
(PUSB)